

Headline **Isteri curiga suami cuti di luar negara**  
Date **14 Jul 2009**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Global**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **1,650**

Language **Malay**  
Page No **27**  
Article Size **98 cm<sup>2</sup>**  
Color **One Spot Color**  
PRValue **4,951**



## Isteri curiga suami cuti di luar negara

**R**IYADH: Ramai warga Arab Saudi meninggalkan negara itu untuk bercuti sempena musim panas dan cuti sekolah bermula minggu ini.

Namun, pada masa sama, semakin ramai wanita tempatan yang menyuarakan kebimbangan selepas suami mereka ke luar negara untuk bercuti tanpa ditemani ahli keluarga.

Ada di antaranya yang bimbang suami mereka mungkin dijangkiti Aids di luar negara dan menyebabkan mereka turut dijangkiti penyakit berbahaya itu.

Hakikatnya, kebimbangan itu berasas kerana beberapa kes jangkitan vi-

rus HIV dilaporkan selepas suami pulang daripada bercuti di luar negara.

Maha Mohammad berkata, beliau memaksa suaminya melakukan pemeriksaan perubatan selepas pulang dari luar negara.

Seorang wanita berusia 25 tahun mendakwa dijangkiti Aids selepas suaminya pulang daripada bercuti di sebuah negara Arab.

"Saya diceraikan apabila memaklumkan saya dijangkiti Aids. Saya dituduh curang tapi kini saya puas kerana saya dimaklumkan, bekas suami dan juga seorang rakannya turut disahkan menghidap Aids," katanya. - Agensi